

Piawaian Perakaunan Islam dibentuk

Piawaian Perakaunan Islam untuk menyeragamkan pelaporan kewangan bagi wakaf, zakat dan baitulmal, akan dibentuk, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membentuk piawaian itu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi Majlis Agama Islam Negeri dalam menyeragamkan laporan kewangan tahunan.

Seragam laporan kewangan

Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara JANM dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM), bagi menjalankan penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam, di Putrajaya, semalam.

Ahmad Husni berkata, kajian berkenaan dijangka siap menjelang hujung tahun ini sebelum dapat digunakan institusi wakaf, zakat dan baitulmal di seluruh negara," katanya kepada media selepas majlis itu.

BERNAMA